



جِبَاتُ خَالِ الْاِخْوَانِ اِكَامُ السَّلَامِ كِتَابَةٌ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 MUHARRAM 1442H/ 21 OGOS 2020

### HIJRAH DAN KEMERDEKAAN TUNTUTAN AGAMA

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada khatib:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, barisan dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 minit;
  - 6 minit untuk khutbah pertama, dan;
  - 4 minit untuk khutbah kedua..

## TEKS KHUTBAH JUMAAT PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ  
اللَّهِ وَأَوْلَىٰكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada para jamaah sekalian, marilah kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya serta menjauhi laranganNya.

### **JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,**

Alhamdulillah dan syukurulillah kita berada di tahun baharu 1442 hijriyah. Sewajarnya sambutan tahun baharu hijrah perlu mencapai matlamat sebenar dan selari dengan kehendak ajaran Islam. Justeru itu, sambutan yang kita raikan bukan sahaja sekadar memperingati peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan sahabat baginda dari Kota Makkah ke Kota Madinah al-munawwarah. Akan tetapi makna hijrah sebenarnya merupakan prinsip hidup yang mendasari kehidupan seharian kita. Ada dua syarat utama bagi melakukan penghijrahan iaitu pertama : Ada sesuatu yang perlu ditinggalkan dan yang Keduaanya pula : Ada sesuatu yang dituju dengan kata lain meninggalkan segala hal yang buruk, negatif atau perkara maksiat menuju kepada yang lebih baik, positif dan mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

## **JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Tahun ini sekali lagi kita menyambut tahun baharu hijriyah bertepatan dengan bulan kemerdekaan Negara kita Malaysia . Apakah ertinya sebuah kemerdekaan, jika kita gagal untuk berhijrahkan diri mengorbankan perasaan hasad dengki, dendam dan sifat mazmumah yang lainnya. Apakah ertinya sebuah kemerdekaan jika kita cuma berbangga dengan keunggulan sejarah Islam namun sekadar menjadikannya sebagai koleksi di galeri sejarah. Sedang hakikatnya, kehidupan kita terus suram dari sudut penghayatan ajaran agama yang sebenar . Sudah banyak nilai keperibadian Islam terhakis dilanda badai globalisasi yang mengakibatkan minda dan jiwa generasi kita berkecamuk dan keliru. Lebih parah apabila lahirnya generasi yang terpengaruh dan tersungkur dalam ideologi atau fahaman-fahaman yang merosakkan Islam seperti Liberal, Atheis juga ajaran lain seperti Millah Abraham, Qadiyani dan lain-lain. Hanya dengan melakukan berhijrah dan kembali kepada nilai-nilai Islam, kita akan memperoleh keberkatan dan pertolongan Allah. Firman Allah SWT dalam surah al-‘Araf , ayat 96 yang bermaksud:

*“Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”*

## **HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,**

Hari ini kita hidup dalam dunia yang sering dipenuhi dengan pelbagai konflik baharu yang mengancam kedaulatan agama Islam dan keselamatan negara. Ancaman ini jika tidak ditangani dengan baik oleh semua lapisan masyarakat, boleh melenyapkan nikmat kemerdekaan yang sedang kita nikmati. Mimbar menyeru marilah kita sama sama bertindak secara proaktif bagi memastikan masa depan ummah lebih cemerlang dengan mengambil usaha-usaha seperti berikut: **Pertama:** Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mempertahankan kemerdekaan dan melakukan hijrah adalah suatu tuntutan. **Kedua:** Umat Islam hendaklah menyedari bahawa perpaduan adalah asas kepada kesatuan ummah. Dan

yang **Ketiga**: Umat Islam hendaklah menyadari bahawa hijrah dan kemerdekaan memerlukan pengorbanan dan jihad yang berterusan. Firman Allah menerusi surah at-Taubah, ayat 20:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Mafhumnya: “(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## تیکس خطبه جمعة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ  
تَسْلِيمًا كَثِيرًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

أَمَّا بَعْدُ: يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِقُوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعِنَايَتِكَ إِلَى  
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَامِ يَغْدَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُنَّ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ،  
وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَكُلَّ مَنْ هُوَ عَدُوٌّ لِلدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَأَوْلِيَاءَ أُمُورِهِمْ بِالصَّلَاحِ وَالْإِعَانَةِ عَلَى الْحَقِّ وَالْقِيَامِ بِالْعَدْلِ، وَأَنْصُرْ  
جُيُوشَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤَحِّدِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ لِإِعْلَاءِ كَلِمَتِكَ، إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ، رَبَّنَا  
هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا، رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيبَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ، يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكُّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi.  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.  
Tel: 088-522127 @ 088-522142